



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

### Adat Sezaman (Wan Nazihah Wan Abdullah)

#### Maksud

#### Rangkap 1

Peradaban zaman semakin berlalu dan meninggalkan kesan kepada masyarakat. Adat tradisi nenek moyang mempunyai nilai murni yang tinggi dari aspek keindahan budayanya. Budaya tradisi ini mulia dan sesuai untuk dijadikan bahan kajian. Sikap gadis timur yang penuh kesopanan dan sang teruna yang mempunyai pegangan agama yang sangat sepadan untuk digandingkan bersama di atas pelamin. Namun kini perubahan zaman telah memberi kesan dalam kehidupan masyarakat. Kini gadis yang bersopan santun amat sedikit dan lelaki yang kuat pegangan agama dan nilai ketimuran mulai lenyap ditelan arus globalisasi. Golongan tua kini berasa malu dengan sikap anak muda yang suka berkelakuan tidak sopan di tempat awam tanpa segan silu. Seinggakan ada sesetengahnyayang melampaui batasan agama.

#### Tema

Perubahan adat tradisi akibat arus modenisasi.

#### Persoalan

1. Persoalan adat ketimuran yang tinggi nilainya. Adat timur amat indah dan mulia dalam kehidupan masyarakat terdahulu.
2. Persoalan pergaulan bebas dalam kalangan anak muda. Pada hari ini anak muda bergaul bebas tanpa rasa malu.
3. Persoalan perasaan kecewa golongan tua terhadap generasi muda. Golongan tua berasa sangat kecewa dan sedih apabila melihat budaya kuning yang menjadi ikutan dan sanjungan.
4. Persoalan pegangan agama yang kuat dapat mengelakkan unsur-unsur negatif. Gadis yang mempunyai pegangan agama mampu mengelakkan diri daripada perbuatan yang negatif seperti pergaulan bebas.



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

### Bentuk

1. Sajak ini terdiri dari 1 rangkap.
2. Panjang pendek baris tidak sama dengan jumlah perkataan yang tidak terkawal.
3. Terdiri daripada 4 – 13 suku kata.
4. Sajak berbentuk bebas.

### Nada

Melankolik.

### Gaya bahasa

1. Pemilihan kata atau diksinya indah.  
Contoh : *warak si teruna jadi ikatan*
2. Aliterasi : pengulangan konsonan /  
Contoh : *terlalu mulia apabila diselidik* (rangkap 1, baris 4)
3. Asonansi : pengulangan vokal a  
Contoh : *sama cantik sama padan*
4. Metafora  
Contoh : *si tua berduka lara* (rangkap 1, baris 16)
5. Anafora  
Contoh : *terlalu indah apabila dipandang* (rangkap 1, baris 3)  
*Terlalu mulia apabila diselidik* (rangkap 1, baris 4)
6. Inversi  
Contoh : *adat sezaman ditinggal jauh* (rangkap 1, baris 4)  
*Adat agama dipandang remeh* (rangkap 1, baris 21)



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

### Nilai

1. Nilai ketinggian budi bahasa. Pada masa dahulu anak gadis dan teruna mempunyai budi pekerti yang tinggi..
2. Nilai ketakwaan. Ketakwaan pada ajaran agama mampu menghindarkan seseorang itu daripada melakukan perbuatan yang melampaui batas agama.
3. Nilai jati diri. Gadis yang mempunyai jati diri pasti akan menjunjung adat ketimuran.

### Pengajaran

1. Kita hendaklah mengikut adat dan berpegang teguh kepada ajaran agama. Adat dan agama mampu menjadi panduan untuk mengekang masyarakat daripada melakukan perkara yang melanggar norma-norma hidup.
2. Kita hendaklah mempunyai nilai jati diri yang utuh. Sekiranya remaja mempunyai nilai jati diri yang tinggi, mereka pasti akan menjunjung adat ketimuran.
3. Kita hendaklah bijak memilih pasangan. Seseorang yang rasional akan memilih pasangan yang berpegang teguh kepada ajaran agama supaya terhindar daripada pergaulan bebas.

### Soalan

1. Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak Adat Sezaman.
2. Mengapakah golongan muda perlu memelihara adat mengikut ajaran agama?

### Jawapan:

1. Tiga persoalan yang terdapat dalam sajak Adat Sezaman ialah persoalan adat ketimuran yang tinggi nilainya, persoalan pergaulan bebas dalam kalangan anak muda serta persoalan perasaan kecewa golongan tua terhadap generasi muda yang menyanjung budaya kuning.



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Golongan muda perlu memelihara adat mengikut ajaran agama untuk menghindarkan mereka daripada terjebak dengan budaya kuning yang mengagungkan pergaulan bebas.